



Pelaksanaan Ail

Inisiatif AiF merupakan inisiatif Kerajaan yang dilaksana oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan telah dilancarkan pada 13 Ogos 2022 sehingga tahun 2025.

Penjenamaan semula nama 'Academy in Factory' (AiF) kepada 'Academy in Industry' (Ail) telah dimuktamadkan di dalam Mesyuarat PEMUDAH Bil. 1/2023 berdasarkan keperluan peluasan.

 **Website**
<https://aii.gov.my>

 **Social Media**
MPCProductivity



Imbas kod QR
sekiranya anda
memilih untuk
mengisi borang di
atas talian.

Ail

Academy in Industry



Latar Belakang

Inisiatif kolaborasi inovatif di antara industri, akademik dan agensi kerajaan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan negara, mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing berkemahiran rendah dan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dalam industri.

Matlamat Ail

Sijil Kemahiran berasaskan pekerjaan yang diiktiraf oleh kerajaan adalah untuk tenaga kerja mahir dalam industri melalui inisiatif UPSKILLING dan RESKILLING. Ini dapat melengkapkan pekerja dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pekerja produktif.

Objektif

- Membangunkan bakat industri masa hadapan yang mampan berdasarkan permintaan pasaran dan keperluan industri
- Mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dalam industri.
- Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah

Manfaat Kepada Syarikat

- Syarikat berpeluang mendapatkan insentif Ail.
- Proses pentauliahan yang singkat dan mudah.
- MPC mengenalpasti kemahiran melalui *coaching 1 to 1*
- Syarikat boleh membuat tuntutan levi
- Pengekalan bakat dalam industri melalui Latihan kemahiran.
- Mewujudkan pelapis dan tenaga mahir dalam bidang kemahiran teknikal yang kritikal.

